

WartaMEDAN

Malawakil Medan E-Newsletter



ISU 01
JAN - JUN 2016

Alhamdulillah dan syukur dipanjatkan kepada Illahi di atas berkatnya yang membolehkan penghasilan Warta Medan, E-Newsletter Konsulat Jeneral Malaysia Medan.

Penampilan ulung Warta Medan ini dilihat dapat menjadi penghubung di antara Konsulat Jeneral Malaysia dengan para pembaca tempatan dan warga Malaysia yang menetap di Sumatera. Pengisian buletin ini yang memaparkan kegiatan aktiviti oleh Konsulat Jeneral diharap dapat memberi kefahaman kepada pembaca mengenai usahanya dalam memperkukuhkan hubungan masyarakat kedua-dua negara.

Adalah menjadi harapan Konsulat Jeneral Malaysia supaya berita-berita yang dimuatkan bukan sahaja akan memberi manfaat kepada pembaca, tetapi turut menarik minat penyertaan dalam kegiatan anjurannya pada masa hadapan.

Akhir sekali, pihak Konsulat Jeneral Malaysia mengambil peluang untuk merakamkan penghargaan kepada semua warga Konsulat Jeneral Malaysia dan sokongan KLN dalam penerbitan Warta Medan. Turut tidak dilupakan adalah ucapan terima kasih kepada para penyunting yang diketuai oleh Puan Amira Amirudin selaku Editor E-Newsletter.

Salam sejahtera,

Konsul Jeneral Malaysia.



Amizal Fadzli Rajali
Konsul Jeneral Malaysia

Dalam Isu Ini

Pengenalan Konsulat
Jeneral Malaysia Di Medan
Muka Surat 2

Hubungan Dua Hala
Malaysia-Indonesia
Muka Surat 3-5

Urusan Pendaftaran
Semudah 1, 2, 3
Muka Surat 6

Konsulat Jeneral Malaysia
Bersama
Mahasiswa/i Malaysia
Di Medan
Muka Surat 6-7

Tourism Malaysia Medan
Tingkatkan Promosi
Pelancongan
Muka Surat 8

Ada Apa Di Medan?
Muka Surat 9

Konsulat Jeneral Malaysia,
Medan
“Selangkah di Hadapan”



***HORAS!* DARIPADA KONSULAT GENERAL MALAYSIA DI MEDAN, INDONESIA**



Konsulat Malaysia di Medan telah ditubuhkan pada 1967. Ianya kemudian telah dinaik taraf kepada Konsulat Jeneral berikutan keperluan perkhidmatan semasa.

Di peringkat awal penubuhannya, Konsulat ini telah di tempatkan secara sementara di beberapa tempat sehingga selesai pembinaan kompleks baru milik Kerajaan Malaysia yang terletak di No. 43, Jalan P. Diponegoro, Medan. Kompleks Konsulat Jeneral yang baru ini dirasmikan oleh Menteri Luar Negeri Malaysia pada masa itu, YB Datuk Abdullah Ahmad Badawi pada 17 April 1992.

Kawasan bidang kuasa Konsulat Jeneral Malaysia di Medan adalah semua provinsi di Pulau Sumatera melainkan Riau (Ibukota: Pekanbaru) dan Kepulauan Riau (Ibukota: Tanjung Pinang)

BELAJAR BAHASA...

“HORAS” - Horas adalah salam khas Batak yang digunakan sebagai salam pembuka dan penutup dalam setiap acara Batak. Jika seseorang mengucapkan salam "horas" kepada anda sahutlah dengan mengucapkan "horas" juga. Ini akan membantu menciptakan suasana yang bersahabat dan bersemangat.

HOME BASED STAFF

En. Amizal Fadzli bin Rajali
Konsul Jeneral

En. Abd. Latiff bin Samad
Konsul Muda (Pentadbiran &
Kewangan)/Ketua Canseri

Pn. Amira binti Amirudin
Setiausaha Pejabat

PELANCONGAN MALAYSIA

Tn. Hj. Azhari bin Haron
Konsul (Pelancongan)

Pn. Zarina binti Johari
Konsul Muda (Pelancongan)

JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

Pn. Salmiah binti Jusoh
Konsul Muda (Konsular & Imigresen)

En. Masri bin Mail
Pembantu Tadbir (Konsular & Imigresen)

POLIS DIRAJA MALAYSIA

ASP Mohd Sham bin Ahmad
Pegawai Perhubungan PDRM

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

Kdr. Mohd Rukiman bin Ab. Manaf TLDM
Pegawai Perhubungan TLDM

BM JTP Ahmad Taufik bin Ismail
Staf Perhubungan TLDM

BM PNK (I) Mohd Haris Fadzli bin
Mohamed Kadzim
Staf Perhubungan TLDM

TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA

Mejar Mohd Yusri bin Abdul Rahim TUDM
Pegawai Perhubungan TUDM

Kpl U Muhamad Zulkafli bin Aris
Staf Perhubungan TUDM

Kpl U Muhamad Shahril bin Othman
Staf Perhubungan TUDM

HUBUNGAN DUA HALA MALAYSIA - INDONESIA MELALUI PEKAN RAYA SUMATERA UTARA 2016



Pekan Raya Sumatera Utara (PRSU) 2016 telah diadakan dengan jayanya pada 18 Mac hingga 18 April 2016 di Kota Medan dengan penyertaan seramai 275 ribu pengunjung. PRSU 2016 juga merupakan penyertaan semula negeri Pulau Pinang ke ekspo tahunan terbesar di Sumatera Utara, setelah dua (2) tahun tidak terlibat dalam acara tersebut.

Penyertaan Negeri Pulau Pinang kali ini melibatkan pameran dari Agensi Negeri seperti Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Selain itu sejumlah lima (5) perusahaan Industri Kecil Sederhana (IKS) turut menyertai ekspo tersebut bagi mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka.



Perbincangan Penganjuran PRSU 2016

Pavilion Penang telah dimeriahkan lagi dengan aksi Mamu Roti Canai “Terbang”. Aksi menerbar roti canai yang luar biasa serta sajian Teh Tarik jelas memikat hati para pengunjung ke Pavilion Penang.



Gubernur Sumatera Utara (baju putih) bersama TYT Yang di Pertua Negeri Pulau Pinang sewaktu Jamuan Balas Makan Tengahari oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



Sabtu, 16 April 2016 - *Malaysian Dental Student Committee (DSC)*, Universitas Sumatera Utara (USU) telah menganjurkan Program Bakti Sosial bertempat di Konsulat Jeneral Malaysia. Program sehari tersebut bertujuan memberi peluang kepada 20 mahasiswa/I bidang kedokteran pergigian menjalankan rawatan amali ke atas pesakit sambil menyumbang kepada masyarakat tempatan.

Rawatan gigi secara percuma oleh pelajar warga Malaysia telah diselia oleh dua (2) doktor pergigian pakar telah menarik penyertaan 200 tetamu dari kalangan kakitangan Konsulat Jeneral Malaysia di Medan, ahli *Malaysian Community in Medan (MCM)*, *Consular Corps* dan wakil-wakil Media.

Persatuan Wanita Konsulat Jeneral Malaysia di Medan (Perwakilan Medan) juga turut mengambil bahagian menerusi aktiviti penjualan makanan dan minuman kepada tetamu yang hadir.

Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan Berjaya merapatkan hubungan di antara Konsulat Jeneral Malaysia dengan komuniti Malaysia di Medan.

- *Dental Student Committee*

INFO:

Universitas Sumatera Utara (USU) mempunyai bilangan Mahasiswa / Mahasiswi Malaysia tertinggi di Sumatera Utara.



FORUM MUHIBAH MALAYSIA – INDONESIA, PLATFORM PERKONGSIAN PANDANGAN

Forum Muhibah Malaysia-Indonesia 2016 telah dianjurkan oleh MW Medan pada Isnin, 16 Mei 2016 di Pusat Konvensyen Santika Premiere Dyandra Medan, Republik Indonesia.

Forum yang dibarisi lima (5) *speaker* dari Malaysia dan Indonesia telah dihadiri oleh seramai 250 peserta terdiri daripada pemimpin masyarakat, ketua Jabatan, konsul perwakilan negara asing, usahawan, serta para mahasiswa Malaysia dan Indonesia.

Perbincangan tertumpu kepada kaedah pengurusan ladang kelapa sawit menerusi mampatan tanah yang berjaya mengurangkan risiko kebakaran tanah gambut di Sarawak dan ikatan sejarah kedua-dua buah negara yang menyaksikan perkongsian budaya di antara masyarakat Pulau Sumatera dan Semenanjung Malaysia.



KAKITANGAN AMBILAN TEMPATAN KONSULAT JENERAL MALAYSIA

- Alfrida Anwar
- Ketua Kerani
- Berkhidmat di Konsulat bermula pada 31 Januari 1977 – sekarang
- Urusan pentadbiran dan konsular
- “MAK” adalah panggilan mesra di pejabat
- Kepakaran dalam bidang masakan, khususnya masakan Malaysia



KETIK – ISI – HANTAR

PENDAFTARAN RAKYAT MALAYSIA DI LUAR NEGARA (YANG BERADA DI KEPULAUAN SUMATERA)

Warganegara Malaysia yang melancong ke Kepulauan Sumatera kini boleh mendaftar secara *online* dengan Konsulat Jenderal Malaysia di Medan. Pendaftaran warganegara dengan pihak Konsulat Jenderal Malaysia adalah bertujuan membolehkan perhubungan dengan pihak berkenaan semasa situasi kecemasan.

Pendaftaran *online* boleh dilakukan menggunakan komputer dengan mengakses pautan:

http://www.kln.gov.my/web/idn_medan/malaysian_reg

atau mengimbas imej QR Code dengan telefon pintar.



SEMINAR KERJAYA MEDAN 2016

- PKPMI Cawangan Medan

Sabtu, 9 April 2016, Konsulat Jenderal Malaysia di Medan telah menganjurkan Seminar Kerjaya Medan 2016 yang merupakan kolaborasi bersama melibatkan *Education Malaysia* dan juga Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia di Indonesia, Cawangan Medan (PKPMI-CM) di Grand Impression Hotel, Medan.

Penganjuran Seminar Kerjaya Medan 2016 adalah bertujuan memberi pendedahan kepada 300 bakal graduan, mengenai potensi bidang keusahawanan, dakwah, dan kerja-kerja kebajikan sebagai satu kerjaya profesional. Para peserta seminar terdiri daripada Mahasiswa Malaysia persendirian yang sedang menuntut di Universitas Islam Negeri Sumatera Utara (UINSU), Universitas Medan (UNIMED) dan Universitas Sumatera Utara (USU).

Konsulat Jenderal Malaysia telah mengundang seramai empat (4) orang ahli panel iaitu Dr. Harris bin Gani - Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia, Ustaz Abang Zainal Abidin bin Abang Ariffin - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), R Mohd Andriansyah bin R Ade Daud - PNS Academy dan Prof. Madya Dr. Juzhar Jusoh - *Education Malaysia* di Jakarta. Pengetahuan yang diperoleh daripada seminar ini akan membantu para Mahasiswa untuk membuat pilihan kerjaya yang bersesuaian dengan minat masing-masing mereka di tanah air kelak.



KEJOHANAN FUTSAL PIALA KONJEN 2016 BERLANGSUNG HEBAT

- PKPMI Cawangan Medan



Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia di Indonesia – Cawangan Medan (PKPMI-CM) dengan kerjasama Konsulat Jeneral Malaysia di Medan telah menganjurkan kejohanan Futsal Piala Konsul Jeneral (Konjen) di Futsal Village, Medan pada 26 – 27 Mac 2016.

Pasukan “Hogoh FC” yang membariskan pemain di kalangan siswa-siswa Malaysia yang menuntut di Universiti sekitar Sumatera Utara telah mengekalkan kejuaraan bagi kategori lelaki setelah memenangnya pada tahun 2014, manakala pasukan “Super Strikers” telah memecahkan rekod juara dalam kategori wanita setelah berjaya menewaskan juara tahunan “Kak Ton” yang memenangnya pada tahun 2013 dan 2014.

Acara tahunan ini sememangnya ditunggu-tunggu oleh siswa-siswi Malaysia di Medan untuk mereka menonjolkan bakat sukan masing-masing di samping beramah-mesra dengan rakan-rakan dan pegawai serta kakitangan Konsulat Jeneral Malaysia yang hadir bermain atau memberi sokongan.



MALAYSIA TRAVEL MART & BUSINESS SESSION

SESSION

- Tourism Malaysia Medan

Khamis, 19 Mei 2016 Pejabat Tourism Malaysia Konsulat Jeneral Malaysia di Medan telah melaksanakan program "Malaysia Travel Mart & Business Session" bertempat di Grand Aston City Hall Medan.

Program ini telah menyediakan satu platform dan peluang bagi pihak industri pelancongan Malaysia bertemu dengan pihak industri pelancongan Medan, Sumatera Utara berjumpa serta bertukar idea dan memberikan maklumat yang terkini tentang produk-produk pelancongan yang terdapat di Malaysia khususnya. Seramai 124 peserta telah menyertai program ini yang terdiri daripada *sellers, buyers, bank, airlines* serta rakan media.



Program telah dimulai dengan kata sambutan oleh Konsul (Pelancongan) dan paluan gong perasmian oleh Konsul Jeneral Malaysia. Program tersebut juga telah memperkenalkan *Miss SHOPhia*, sebagai ikon beli-belah Malaysia kepada peserta dan wakil media.





CORETAN PERWAKILAN MEDAN

- Perwakilan Medan



Salina Ahmad
Pengerusi Perwakilan Medan

Persatuan Wanita Kementerian Luar Negeri (PERWAKILAN), Cawangan Medan terdiri daripada 13 orang ahli dan dipengerusikan oleh Puan Salina Ahmad.

Sepanjang setengah tahun pertama 2016, Perwakilan Medan bergiat aktif dalam menganjurkan aktiviti-aktiviti kebajikan dan sosialnya. Perwakilan Medan juga berganding bahu dalam menjayakan aktiviti-aktiviti anjuran Konsulat Jeneral Malaysia di Medan, Kelab Sukan, Kebajikan, Rekreasi dan Sosial (KSKR&S), Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Malaysia di Indonesia Cawangan Medan (PKPMI-CM) dan lain-lain.

Pelbagai aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan antaranya Lawatan ke Pusat Penjualan Bika Ambon Zulaikha, *Guest Speaker Asian Culture Week* di PG & TK Cita Luhur, Jualan makanan dan minuman sempena Program Bakti Sosial *Malaysian Dental Student Committee (DSC)*, Penyediaan makanan dan minuman sempena program Santunan Aidiladha bersama Panti Asuhan Al-Washliyah dan pelbagai lagi.

Perwakilan Medan akan terus “selangkah di hadapan” dan komited dalam menganjurkan program atau aktiviti yang bermanfaat kepada ahli-ahlinya.

DESTINASI PERCUTIAN



Danau Toba adalah sebuah danau/tasik tekto-vulkanik dengan ukuran panjang 100 kilometer dan lebar 30 kilometer yang terletak di Provinsi Sumatera Utara, Indonesia. Danau ini merupakan danau terbesar di Indonesia dan Asia Tenggara. Di tengah danau ini terdapat sebuah pulau vulkanik bernama Pulau Samosir.

Danau Toba terletak kira-kira 177 km ke arah Selatan Kota Medan dan perjalanan darat mengambil masa sekitar 4-5 jam. Keindahan semulajadi yang terbentuk daripada puluhan ribu tahun dahulu cukup membuatkan perjalanan yang panjang begitu berbaloi.



GALERI MW MEDAN





KONSULAT JENERAL MALAYSIA, MEDAN



Alamat:

Konsulat Jeneral Malaysia
Jln. P. Diponegoro No. 43
20152 Kota Medan
Sumatera Utara
Republik Indonesia

Telefon:

+ (62) (61) 4531342
+ (62) (61) 4535271
+ (62) (61) 4523992

Fax: + (62) (61) 4534681

Email: mwmedan@kln.gov.my

GMT: + 7 hrs

Waktu Operasi:

Isnin – Jumaat
8.00 a.m - 4.00 p.m

Tutup:

Sabtu, Ahad & Cuti Umum

**ISU AKAN
DATANG...**



Konsulat Jeneral Malaysia
Medan



“Demonstrasi Masakan Malaysia 2016”

Isnin, 5 Disember 2016

2.00 p.m.

The City Hall Club, Level III
(Grand Aston City Hall Tower 1)
Jalan Balai Kota No. 1 Medan 20112

